

Tiada tanah milik Orang Asli telah dirampas

- Oleh NORHAFIZAN ZULKIFLI
- 15 Januari 2025, 7:31 am



MUHAMMAD Olian Abdullah (kanan) menyampaikan dividen bagi bulan Disember kepada peserta Tanam Semula Komersial (TSK) Orang Asli Kampung Arung di Balai Raya Kampung Arung di Pekan, Pahang. - UTUSAN/NORHAFIZAN ZULKIFLI

PEKAN: Tiada tanah peserta Tanam Semula Komersial (TSK) Orang Asli negeri ini yang dirampas setelah projek berkenaan diambil alih Pahang Orang Asli Corporation (ORACO).

Ketua Pegawai Eksekutif ORACO, Datuk Muhammad Olian Abdullah berkata, ia dapat dibuktikan dengan pengambilalihan projek TSK di Kampung Orang Asli Kampung Arung sejak September tahun lalu.

Katanya, bukan sahaja tidak ada tanah dirampas, malah peserta menikmati peningkatan hasil dividen daripada RM510 pada bulan pertama kepada RM1,000 bagi hasil pada Disember lalu.

“Boleh tanya sendiri kepada penduduk Kampung Arung apakah tanah mereka dirampas? Malah, peserta memaklumkan pengurusan ORACO sangat baik sehingga hasil ladang mereka meningkat.

“Kita menggunakan format pengurusan yang mengurangkan ketirisan dan ini membolehkan hasil meningkat. Pendekatan berstruktur yang dilaksanakan oleh ORACO di Kampung Arung ini diharapkan menjadi model kepada TSK di kawasan lain untuk meningkatkan hasil dan taraf hidup peserta Orang Asli.

“Ini menunjukkan usaha kami membawaikan hasil. Terima kasih kepada peserta dan penduduk Kampung Arung yang memberikan kerjasama penuh dalam memastikan ladang mereka diurus dengan baik,” katanya ketika ditemui Utusan Malaysia pada Majlis Penyampaian Dividen Projek TSK Orang Asli Kampung Arung di Balai Raya Kampung Arung di sini semalam.

Seramai 51 peserta TSK di Kampung Orang Asli Kampung Arung masing-masing menerima dividen sebanyak RM1,000 yang difahamkan, keseluruhan dividen yang telah diserahkan adalah sekitar RM165,000.

Muhammad Olian berkata, sebaik sahaja mengambil alih pada September lalu, pihaknya melakukan pengukuran semula kawasan ladang yang mana hasil ukuran berkenaan mendapati keluasan sebenar adalah 84 hektar berbanding 126 hektar daripada rekod asal yang diberikan pihak Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jakoa) dan RISDA Plantation Sdn. Bhd.

“Pengukuran ini dilakukan secara teliti bersama mandor yang pernah bekerja dengan RISDA Plantation Sdn. Bhd. untuk memastikan tiada kawasan tertinggal,” katanya.-
UTUSAN